

29 MAR 2002

DR MAHATHIR HADIRI SANTAPAN BERSAMA SULTAN SELANGOR

SHAH ALAM, 29 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali hari ini menghadiri santapan bersama Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah di Istana Bukit Kayangan di sini.

Yang turut hadir ialah Menteri Besar Selangor Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo dan isteri Datin Seri Zaharah Kechik, Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob, Setiausaha Agung Barisan Nasional, Tan Sri Mohamed Rahmat serta anggota-anggota exco kerajaan negeri dan Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Abdul Aziz Mohd Yusof.

Dr Mahathir kemudian mengiringi Sultan Sharafuddin Idris Shah menunaikan solat Jumaat di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini.

Pagi tadi, Dr Mahathir merasmikan Konvensyen BN Selangor 2002 di Kompleks Belia dan Kebudayaan Negeri Selangor di Seksyen 7 di sini.

Pada petang ini, Dr Mahathir akan hadir dalam satu majlis dialog dengan kakitangan kerajaan Selangor di Dewan Jubli Perak.

-- BERNAMA

RIZ MAI